

D.R. 4/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “pilihan raya” takrif yang berikut:

‘ “sebelum pilihan raya”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh yang bermula dari tarikh pembubaran Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau dari tarikh yang dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa terdapat kekosongan luar jangka di kalangan ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri bagi suatu bahagian pilihan raya sehingga tarikh sebaik sebelum writ pilihan raya dikeluarkan;’

(b) dengan memasukkan selepas takrif “sebelum pilihan raya” takrif yang berikut:

‘ “selepas pilihan raya”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh yang bermula dari tarikh pegawai pengurus mengisytiharkan calon yang mendapat bilangan undi yang terbanyak sebagai telah dipilih dan berakhir tiga puluh hari dari tarikh itu;’; dan

(c) dengan memasukkan selepas takrif “selepas pilihan raya” takrif yang berikut:

‘ “semasa pilihan raya”, berhubung dengan sesuatu pilihan raya, ertinya tempoh yang bermula dari tarikh writ pilihan raya dikeluarkan sehingga tarikh pegawai pengurus mengisytiharkan calon yang mendapat bilangan undi yang terbanyak sebagai telah dipilih;’.

Pindaan seksyen 4

3. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “dibuang” dengan perkataan “ditandakan”; dan

(b) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “dibuang”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “ditandakan”.

Pindaan seksyen 11

4. Subseksyen 11(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (c).

Pindaan seksyen 14

5. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan memotong perkataan “hendaklah”;

(ii) dalam perenggan (a), dengan memasukkan sebelum perkataan “melantik” perkataan “boleh”;

(iii) dengan menggantikan perenggan (*b*) dengan perenggan yang berikut:

“(b) boleh menyewa pejabat parti politik bagi pihak calon itu;”;

(iv) dalam perenggan (*c*), dengan memasukkan sebelum perkataan “memberitahu” perkataan “hendaklah, jika ejen atau ejen-ejen tempat mengundi atau ejen atau ejen-ejen mengira telah dilantik di bawah perenggan (*a*),”; dan

(v) dalam perenggan (*d*), dengan memasukkan sebelum perkataan “memberitahu” perkataan “hendaklah, jika ejen atau-ejen-ejen mengira telah dilantik di bawah perenggan (*a*),”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen yang berikut:

“(1A) Tiap-tiap ejen tempat mengundi atau ejen mengira seseorang calon yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) hendaklah bertugas atau hadir di tempat mengundi atau hendaklah menghadiri pengiraan undi di tempat mengundi mengikut waktu yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.”.

Pindaan seksyen 24A

6. Seksyen 24A Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada seorang pun boleh, pada hari atau hari-hari penamaan, menunggu atau berdiri-diri dalam jarak satu ratus meter atau apa-apa jarak yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari sempadan mana-mana tempat penamaan calon kecuali dengan kebenaran Suruhanjaya Pilihan Raya.”.

Pindaan seksyen 24B

7. Seksyen 24B Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Seseorang” dengan perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2A), seseorang”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Mana-mana pejabat yang dibuka, ditubuhkan atau disenggarakan di bawah subseksyen (2) hanya boleh dibuka, ditubuhkan atau disenggarakan dalam jarak tidak kurang daripada satu ratus meter dari pusat mengundi.

(2B) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2A) boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2C) Kesalahan di bawah subseksyen (2A) ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah.”; dan

(c) dalam subseksyen (7)—

(i) dengan menggantikan perkataan “lima puluh meter” dengan perkataan “satu ratus meter atau apa-apa jarak yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “tempat” dengan perkataan “pusat”.

Pindaan seksyen 26

8. Subseksyen 26(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “bilik jawatankuasa” dengan perkataan “pejabat parti politik”;

(b) dalam perenggan (e)—

(i) dengan memotong perkataan “dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi—”; dan

(ii) dengan menomborkan semula subperenggan (i), (ii), (iii) dan (iv) yang sedia ada masing-masing sebagai perenggan (e), (ea), (eb) dan (ec);

- (c) dalam perenggan (e) dan (ea) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “tempat mengundi” dengan perkataan “pusat mengundi”;
- (d) dalam perenggan (ec) yang dinomborkan semula—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “berdiri-diri” perkataan “dalam jarak satu ratus meter dari sempadan mana-mana pusat mengundi”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “tempat mengundi” dengan perkataan “pusat mengundi”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “membuang undinya” dengan perkataan “mengundi”; dan
- (e) dalam perenggan (g)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “lima puluh” dengan perkataan “satu ratus”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “mana-mana tempat mengundi” dengan perkataan “mana-mana pusat mengundi”.

Pindaan seksyen 26A

9. Seksyen 26A Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

Penggantian seksyen 27D

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 27D dengan seksyen yang berikut:

“Kawasan kawalan pasukan penguat kuasa

27D. Sesuatu pasukan penguat kuasa hendaklah melaksanakan fungsinya dalam bahagian pilihan raya yang baginya pasukan itu ditubuhkan.”.

Pindaan seksyen 30A

11. Seksyen 30A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sebelum” dengan perkataan “dalam tempoh tiga puluh hari selepas”.

Pindaan Jadual Pertama

12. Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dalam BORANG A di bawah perkataan “*Tandatangan*”, dengan menggantikan perkataan—

*“Pengerusi atau Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya
Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya
Pegawai Pilihan Raya Negeri
Pegawai Yang Hak”*

dengan perkataan—

*“Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Anggota Suruhanjaya
Pilihan Raya
Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya
Pegawai Pilihan Raya Negeri
Pegawai Yang Hak
Hakim Mahkamah Sesyen
Majistret
Jaksa Pendamai
Pesuruhjaya Sumpah”.*

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (“Akta 5”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 5 untuk memasukkan takrif baru “sebelum pilihan raya”, “selepas pilihan raya” dan “semasa pilihan raya” ke dalam Akta 5.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 5 dengan menggantikan perkataan “dibuang” dengan perkataan “ditandakan”. Pindaan ini dibuat untuk mengelakkan perkataan “dibuang” digunakan dalam teks bahasa kebangsaan. Dalam teks bahasa kebangsaan, perkataan “dibuang” digantikan dengan perkataan “ditandakan” kerana perkataan “dibuang” itu boleh membawa kepada tafsiran yang negatif bagi maksud sesuatu pilihan raya.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk memotong perenggan 11(1)(c) Akta 5 untuk meniadakan peruntukan yang sukar untuk dikuatkuasakan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 5 bagi menghapuskan kehendak mandatori bagi seseorang ejen pilihan raya seseorang calon untuk melantik mana-mana ejen tempat mengundi atau ejen mengira. Pindaan yang dicadangkan turut membenarkan seseorang ejen pilihan raya bagi seseorang calon untuk menyewa pejabat parti politik bagi pihak calon itu.

Pindaan dalam *fasal 5* turut bertujuan untuk membenarkan mana-mana ejen tempat mengundi atau ejen mengira bagi seseorang calon untuk bertugas atau hadir atau menghadiri pengiraan undi di tempat mengundi hanya pada waktu yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Ini adalah untuk mengurangkan kesesakan di tempat mengundi.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 24A(2) Akta 5 untuk mengelakkan kesukaran berhubung dengan kehendak jarak lima puluh meter yang sedia ada dari sempadan mana-mana tempat penamaan yang tidak mempunyai kawasan yang luas. Pindaan dalam *fasal 6* turut memberi Suruhanjaya Pilihan Raya kuasa untuk menentukan apa-apa jarak lain yang sesuai.

8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 24B(2A), (2B) dan (2C) ke dalam Akta 5 untuk menghendaki supaya mana-mana pejabat yang dibuka, ditubuhkan atau disenggarakan semasa tempoh berkempen di bawah subseksyen 24B(2) hanya dibuka, ditubuhkan atau disenggarakan dalam jarak tidak kurang daripada satu ratus meter dari pusat mengundi.

Pindaan yang dicadangkan ini juga memperuntukkan bahawa apa-apa pelanggaran subseksyen baru (2A) yang dicadangkan ialah kesalahan boleh tangkap yang boleh dihukum di bawah subseksyen baru (2B) yang dicadangkan.

Pindaan dalam *fasal 7* juga bertujuan untuk meminda subseksyen 24B(7) Akta 5 untuk mengelakkan kesukaran berhubung dengan kehendak jarak lima puluh meter yang sedia ada dari sempadan mana-mana pusat mengundi yang tidak mempunyai kawasan yang luas. Pindaan yang dicadangkan ini juga memberi Suruhanjaya Pilihan Raya kuasa untuk menentukan apa-apa jarak lain yang sesuai di samping menggantikan perkataan “tempat mengundi” dengan perkataan “pusat mengundi” untuk menggambarkan makna yang diperuntukkan bagi perkataan itu dalam seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*].

9. *Subfasal 8(a)* bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(c) Akta 5 dengan menggantikan perkataan “bilik jawatankuasa” dengan perkataan “pejabat parti politik” sebagai pindaan berbangkit kepada pindaan yang dicadangkan dalam perenggan 14(1)(b) Akta 5.

10. *Subfasal 8(b)* bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(e) Akta 5 dengan memotong perkataan “dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat mengundi—” bagi menghapuskan syarat jarak lima puluh meter bagi maksud melakukan apa-apa kesalahan di bawah perenggan 26(1)(e) Akta 5.

Pindaan dalam *subfasal 8(b)* turut bertujuan untuk menomborkan semula subperenggan 26(1)(e)(i), (ii), (iii) dan (iv) Akta 5 yang sedia ada masing-masing sebagai perenggan 26(1)(e), (ea), (eb) dan (ec) dengan menjadikan kesalahan yang disebut dalam subperenggan 26(1)(e)(i), (ii), (iii) dan (iv) yang sedia ada sebagai kesalahan yang berasingan dan berlainan.

11. *Subfasal 8(c)* bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(e) dan (ea) yang dinomborkan semula dengan menggantikan perkataan “tempat mengundi” dengan perkataan “pusat mengundi”. Ini untuk menggambarkan makna yang diperuntukkan bagi perkataan itu dalam seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958.

12. *Subfasal 8(d)* bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(ec) Akta 5 yang dinomborkan semula untuk melarang mana-mana orang semasa hari pengundian untuk menunggu atau berdiri-diri dalam jarak satu ratus meter dari sempadan mana-mana pusat mengundi kecuali bagi maksud masuk ke pusat mengundi.

Pindaan dalam *subfasal 8(d)* turut bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(ec) Akta 5 yang dinomborkan semula dengan menggantikan perkataan “tempat mengundi” dengan perkataan “pusat mengundi”. Ini untuk menggambarkan makna yang diperuntukkan bagi perkataan itu dalam seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958.

Selanjutnya, pindaan dalam *subfasal 8(d)* turut bertujuan untuk menggantikan perkataan “membuang undinya” dengan perkataan “mengundi”. Pindaan kepada perkataan “cast his vote” dalam teks bahasa Inggeris dibuat berikutan dengan pindaan kepada perkataan “membuang undinya” dalam teks bahasa kebangsaan. Dalam teks bahasa kebangsaan, perkataan “membuang undinya” itu digantikan dengan perkataan “mengundi” kerana perkataan “membuang undinya” boleh membawa kepada tafsiran yang negatif bagi maksud sesuatu pilihan raya.

13. *Subfasal 8(e)* bertujuan untuk meminda perenggan 26(1)(g) Akta 5 untuk menggantikan jarak lima puluh meter yang sedia ada dengan jarak satu ratus meter untuk mengelakkan kesukaran berhubung dengan kehendak jarak yang sedia ada dalam hal pusat mengundi yang tidak mempunyai kawasan yang luas.

Pindaan dalam *subfasal 8(e)* turut bertujuan untuk menggantikan perkataan “mana-mana tempat mengundi” dengan perkataan “mana-mana pusat mengundi” untuk menggambarkan makna yang diperuntukkan bagi perkataan itu dalam seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958.

14. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong subseksyen 26A(2) dan (3) Akta 5 kerana kehadiran pemerhati di barung menyebabkan kesukaran kepada petugas pilihan raya untuk melaksanakan tugas mereka.

15. *Fasal 10* bertujuan untuk menggantikan seksyen 27D Akta 5 dengan suatu peruntukan baru yang membenarkan penubuhan pasukan penguat kuasa di bahagian pilihan raya Parlimen atau Negeri.

16. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 30A Akta 5 untuk mengadakan peruntukan bagi sesuatu permohonan maaf yang dibenarkan di bawah seksyen 30 Akta 5 dibuat dalam tempoh tiga puluh hari selepas habis tempoh tiga puluh satu hari yang dinyatakan dalam seksyen 23 Akta 5. Walau bagaimanapun, sehingga permohonan maaf itu dibenarkan oleh seorang Hakim Pilihan Raya atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi, calon itu tidak boleh bersidang atau mengundi.

17. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda BORANG A Jadual Pertama untuk menambah individu yang di hadapannya sumpah kerahsiaan boleh diangkat.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2612]